

Dimasyhur Canselor KUIPSAS

**Tengku Hassanal
teruskan hasrat
Almarhum
nenda**

AIMAN SADIQ ABDULLAH

KUANTAN

Pemangku Raja Pahang, Tengku Hassan Ibrahim Alam Shah Al-Sultan Abdullah dimasyhurkan sebagai Canselor Kedua Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (KUIPSAS) pada Istiadat Pemasyhur dan Konvokesyen ke-18 KUIPSAS 2019 di Dewan Jubli Perak Sultan Haji Ahmad Shah di sini semalam.


Pemasyhur Tengku Hassanal sebagai canselor baharu KUIPSAS itu di-

mumkan oleh Menteri Besar Pahang yang juga Pro Canselor KUIPSAS, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail bagi menggantikan Almarhum Sultan Ahmad Shah.

Tengku Hassanal bertitah, baginda bertuah apabila diamanahkan sebagai Canselor KUIPSAS yang juga kolej universiti terkemuka di negeri ini.

Baginda bertitah, sejak ditubuhkan 23 tahun lalu, KUIPSAS berjaya menghasilkan kira-kira 5,000 graduan dalam pelbagai bidang pengajian.

"Saya berjanji akan meneruskan hasrat dan kepimpinan Almarhum nenda (Almarhum Sultan Ahmad Shah) saya untuk melihat KUIPSAS terus berkembang ke arah melaksanakan peranan sebagai pusat pendidikan berteraskan Islam.



Wan Rosdy memakaikan jubah kepada Tengku Hassanal yang dilantik sebagai Canselor KUIPSAS pada Majlis Pemasyhur dan Konvokesyen ke-18 KUIPSAS 2019 semalam.

"Saya ucapkan tahniah kepada semua graduan KUIPSAS yang berjaya menamatkan pengajian. Dengan ilmu yang penuh di dada, hendaklah sentiasa bersedia dengan ejen perubahan kepada masyarakat

supaya ilmu itu dapat dimanfaatkan sepenuhnya.

"Graduan juga tidak harus berasa cukup dengan kejayaan yang diperoleh, sebaliknya perlu memastikan diri diperkukuh dengan pelbagai pengetahuan

dan kemahiran yang relevan dengan tuntutan sekarang seperti kemahiran komunikasi, kepimpinan yang tinggi, dan keusahawanan," titah baginda.

Tengku Hassanal Ibrahim juga menasihati gra-

duan supaya terus berakti pada KUIPSAS dengan terlibat aktif sebagai ahli alumni.

Pada majlis itu, Tengku Hassanal turut mengucapkan tahniah kepada Rektor KUIPSAS baharu, Prof Madya Dr Mohd Zawawi Zainal Abidin yang menggantikan Datuk Yahya Zainal Abidin.

Seramai 360 graduan menerima diploma dalam pelbagai bidang pengajian dalam istiadat itu yang julung kali menggunakan tulisan jawi sepenuhnya dalam semua bahan cetakan dan edaran.

KUIPSAS dalam kenyataannya berkata, penggunaan tulisan jawi itu merupakan usaha berte-rusan KUIPSAS memperkasakan bahawa jawi selepas menjadi Pusat Rujukan Tulisan Jawi bagi Negeri Pahang.